




**ROHANI** Abdul Karim (depan empat dari kiri) bergambar bersama para penerima Anugerah Khas Orang Kurang Upaya (OKU) sempena sambutan Hari OKU Peringkat Kebagsaaan 2013 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, baru-baru ini.



# Komitmen untuk OKU

Aksesibiliti kepada OKU diberi perhatian

Oleh **NOOR FAZRINA KAMAL**

**T**AHAP aksesibiliti dalam pelbagai aspek keperluan yang disediakan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) di negara ini semakin baik melalui sokongan kerajaan mahupun sektor swasta.

Malah pihak pemaju dan penyedia perkhidmatan kini dilihat semakin peka dengan keperluan golongan tersebut dalam setiap pembangunan yang dijalankan.

Ini diakui sendiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), **Datuk Sri Rohani Abdul Karim**, yang melihat aksesibiliti kepada OKU bukan sahaja daripada aspek persekitaran dan kemudahan, malah melibatkan pengangkutan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, perbankan dan sebagainya.

Rohani berkata, melalui jawatankuasa yang dibentuk dalam Majlis Kebangsaan Bagi OKU, kerajaan melalui kementeriannya akan sentiasa memantau pelaksanaan penambahbaikan terhadap keperluan semasa OKU supaya dapat menghapuskan halangan terhadap golongan tersebut.

"Saya berharap agar semua pihak berwajib memperbaiki serta meningkatkan tahap aksesibiliti kepada OKU khususnya kepada bangunan, kemudahan awam dan persekitaran agar semua pihak dapat menikmati pembangunan negara secara inklusif," katanya pada Majlis Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan 2013 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Menurut Rohani, ia dibuktikan menerusi komitmen kerajaan dalam

memastikan golongan OKU di negara ini dapat menjalani kehidupan dengan selesa adalah dengan menyediakan persekitaran yang bebas halangan dan kemudahan yang mesra OKU.

Sementara itu lebih 2,000 OKU dari seluruh negara 'berkampung' di UPM untuk bersama-sama menayakan sambutan yang Bertemakan Hapuskan Halangan, Berikan Peluang: Ke Arah Kesaksamaan Dalam Masyarakat,

Pada majlis tersebut juga, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi pelaksanaan Projek Sistem Al-Quran Braille Elektronik kepada OKU masalah penglihatan mempelajari al-Quran.

Rohani turut menyampaikan anugerah kepada lapan orang pelajar cemerlang OKU kategori akademik, tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam kategori Penghargaan Kemudahan

Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina serta tiga syarikat bagi kategori Penghargaan Majikan Prihatin.

Keprihatinan kerajaan terhadap golongan ini terbukti dengan pemberian peruntukan sebanyak RM441 juta di bawah Bajet 2014 bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada OKU.

Sehingga kini, seramai 464, 967 OKU telah berdaftar dengan JKMM.

Turut hadir di majlis adalah Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Sri Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Norani Mohd Hashim dan Naib Cencelor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan.



## Info

→ Bermula 1992 tarikh 3 Disember telah dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Hari OKU Antarabangsa. Selaras dengan komitmen antarabangsa, kerajaan turut meraikan hari tersebut sejak tahun 1994. Berdasarkan perkiraan, kita telah meraikan Hari OKU selama hampir 19 tahun dan akan terus meraiikannya pada tahun-tahun akan datang.

→ Objektif Hari OKU Peringkat Kebangsaan:

- Mengetengahkan usaha kerajaan dalam memenuhi hak dan keperluan OKU;
- Menjadi pemangkin dan faktor perangsang kepada semua pihak agar lebih prihatin dan peka kepada keperluan OKU; dan
- Membolehkan OKU bergembira bersama keluarga dan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

→ Antara inisiatif kerajaan untuk OKU:

- Menaik taraf 24 buah stesen transit aliran ringan (LRT);
- Menyediakan sebanyak 10 buah stesen komuter dan 4 buah stesen pertukaran antara bandar (interchanges) yang mesra OKU;
- Pembelian 38 set keretapi enam kereta (six-car trains - Electric Multiple Units (EMUs)) yang dilengkapi dengan kemudahan yang berasaskan kepada reka bentuk sejagat;
- Penyediaan kemudahan pengangkutan alternatif dari pintu ke pintu (door-to-door transportation service) untuk golongan OKU khususnya yang berkerusi roda melalui Perkhidmatan Rapid Mobiliti oleh pihak RapidKL.